S'pura, Sweden perluas kerjasama dalam teknologi baharu, tenaga mampan

Presiden Tharman: Negara sehaluan perlu gabung keupayaan; kerjasama rapat tangani cabaran, rebut peluang bersama



Presiden Tharman Shanmugaratnam (tiga dari kanan), bersama Raja Sweden, Carl XVI Gustaf (dua dari kanan), semasa upacara sambutan rasmi di Istana Diraja Stockholm pada 19 Oktober. Mereka turut ditemani isteri Tuan Presiden, Puan Jane Ittogi (kiri) dan isteri Raja Sweden, Ratu Silvia (dua dari kiri). – Foto ST

Singapura dan Sweden akan memperluas kerjasama dalam tenaga mampan dan teknologi baharu, termasuk teknologi kuantum.

Institusi penyelidikan kedua negara juga akan bekerjasama dalam teknologi penentuan lokasi menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan rangkaian mudah alih 6G generasi seterusnya, kata Presiden Tharman Shanmugaratnam, pada 19 Oktober.

Teknologi itu bertujuan meningkatkan keupayaan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang lazim.

Kedua negara memeterai perisytiharan bersama bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam teknologi yang dipercayai dan inovatif di ibu pejabat Ericsson, Stockholm, pada 19 Oktober.

Tuan Presiden, yang berada di Sweden bagi lawatan negara selama lima hari, berkata kedua negara yakin bahawa ketika dunia semakin berpecah belah dan tidak menentu, "negara sehaluan perlu menggabungkan keupayaan masing-masing dan bekerjasama rapat untuk menangani cabaran serta merebut peluang bersama".

Bercakap selepas sambutan rasmi di Istana Diraja Stockholm, Tuan Presiden berkata kedua negara kecil itu mencapai kemakmuran menerusi inovasi dan hubungan antarabangsa.

"Kami percaya akan kepentingan melabur dalam pembangunan rakyat, membina institusi kukuh dan memupuk perpaduan," katanya bersama Raja Sweden, Carl XVI Gustaf.

Beliau berkata kedua negara turut mempertahankan undang-undang antarabangsa dan sistem kerjasama pelbagai hala berasaskan peraturan.

Perisytiharan itu ditandatangani oleh Setiausaha Tetap Penyelidikan dan Pembangunan Negara di Pejabat Perdana Menteri (PMO) Singapura, Encik Ng Chad-Son, dan Ketua Pengarah Hal Ehwal Sedunia Sweden, Encik Mikael Lindvall, dengan disaksikan Tuan Presiden dan Raja Carl.

Perisytiharan itu menyatakan kedua negara akan meneroka kerjasama merangkumi bidang semikonduktor, Internet Pelbagai Benda (IoT), kecerdasan buatan (AI), teknologi kuantum serta aplikasi 5G dan 6G.

Mereka juga mahu memperkukuh keselamatan siber, kriptografi pos kuantum dan daya tahan teknologi maklumat.

Ia termasuk meneroka pertukaran pengalaman dalam tadbir urus AI, transformasi digital, kawal selia dan kesediaan tenaga kerja.

Secara berasingan, Institut Teknologi Diraja Sweden, Ericsson dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) bersetuju membangunkan teknologi kedudukan generasi baharu.

Menurut NTU pada 19 Oktober, teknologi itu boleh menentukan lokasi robot, dron dan sistem berautonomi dengan tepat walaupun isyarat terhalang.

Tenaga mampan turut menjadi keutamaan, dengan Penguasa Pasaran Tenaga (EMA) Singapura dan Kementerian Iklim dan Perusahaan Sweden meneroka kerjasama lanjut.

Ini termasuk penjanaan elektrik rendah karbon melalui pembakaran langsung ammonia, yang boleh menjadi yang pertama di dunia.

Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP) juga akan memperkukuh kerjasama penyelidikan dengan Institut Teknologi Diraja dan Sekolah Ekonomi Stockholm, membuka lebih banyak peluang penyelidikan dan pertukaran akademik.

Tuan Presiden mengalu-alukan penglibatan Sweden dengan Asean, termasuk penyertaannya dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) pada Julai bersama Lithuania, Poland dan Romania.

Penyertaan dalam TAC diwajibkan bagi negara yang ingin menjalin kerjasama rasmi dengan Asean.

Dengan Singapura bakal menjadi pengerusi Asean pada 2027, beliau melihat peluang memperkukuh hubungan Sweden dengan Asia Tenggara dan Eropah.

Raja Carl berkata lawatan itu mempererat kerjasama sempena ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik kedua negara.

Sweden boleh mempelajari pengalaman Singapura dalam AI dan prasarana berdaya tahan, katanya.

Beliau turut memuji kejayaan Singapura menggabungkan perancangan bandar mampan dengan pertumbuhan dan inovasi.

Mengimbau kembali lawatannya ke Singapura pada 2024, Raja Sweden menegaskan tekad bersama terhadap sistem peraturan antarabangsa, sains, inovasi dan kemampanan.

Beliau berkata hubungan enam dekad itu berasaskan sikap saling menghormati, kepentingan bersama dan kerjasama erat.